

06

**3 Teras Dasar
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

13

**Hadis :
SEBAIK-BAIK AMAL**

14

**Rahsia
KETENANGAN HATI**

Amanat Khas

31 TAHUN PENTADBIRAN

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI KELANTAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ فَفَسَحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا
يَفْسَحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا
مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu, “Berilah kelapangan di dalam majlis-majlis, maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan, “Berdirilah kamu,” maka berdirilah, nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti apa yang kamu kerjakan.” (al-Mujadilah : 11)

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam atas junjungan yang mulia, Nabi Muhammad SAW; seluruh ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya, dapat lagi kita bersua dalam penerbitan Buletin IPTG Bil.2/2021 dengan jayanya walaupun dalam keadaan norma baharu ini.


Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) serta jawatankuasa yang terlibat menerbitkan buletin edisi kali ini. Syukur alhamdulillah dan terima kasih saya ucapkan kepada warga IPTG di atas usaha untuk menjayakan Kursus Kefahaman dasar MBI Dalam Profesionalisme Kakitangan kepada empat PBT dan kursus kepada MPKB-BRI yang berlangsung secara atas talian dan dipantau oleh AJK yang terlibat.

Saya berharap dengan penerbitan buletin pada kali ini dapat berkongsi info mengenai perkembangan semasa IPTG disamping membaca artikel-artikel berkaitan dengan UMI dan sebagainya.

Akhir sekali, saya berdoa semoga Allah SWT memberkati dan menerima setiap amalan kita dan memasukkan kita dalam golongan orang yang berjaya.

Sekian, Wassalam.

**Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat, Negeri Berkat
'Merakyat Membangun Bersama Islam -
Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan'**



**YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Dato' Haji Ahmad bin Yakob
Menteri Besar Negeri Kelantan**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ
مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air(hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mengetahu." (Al-Baqarah: 22)

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, maka Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) telah berjaya menerbitkan buletin edisi kedua 2021, Buletin IPTG Bil. 02/2021.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua warga IPTG khususnya sidang redaksi IPTG kerana bertungkus lumus untuk menerbitkan buletin untuk edisi ini. Semoga penerbitan buletin kali ini dapat memberi manfaat kepada pembaca dan sekaligus melaporkan program dan aktiviti IPTG sepanjang bulan April sehingga November 2021.

Bermula Mac tahun 2020 lepas sehingga kini, negara kita masih dalam krisis penularan wabak pandemik COVID-19 dengan pelbagai cabaran namun saya yakin ianya tidak menjadi halangan untuk warga IPTG meneruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Pada masa ini, Unit Latihan telah berjaya menganjurkan beberapa program atas talian iaitu Kursus UMI kepada beberapa PBT, Unit Pengembangan juga berjaya meneruskan program kuliah harian secara langsung begitu juga Unit Penyelidikan dan juga Unit Latihan berjaya menghasilkan buku Asas Memahami Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan sebuah buku infografik Asas Memahami Dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Akhir kalam, marilah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarluaskan ilmu dan memahaminya dengan baik kepada masyarakat dan mengamalkannya dalam kehidupan sebagaimana hasrat YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Membangun Bersama Islam dan Merakyatkannya. Semoga Allah SWT memberkati kehidupan kita dan menjadikan setiap kegiatan hidup kita tergolong dalam amal soleh.



YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat Pengarah

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

Tinta
Pengerusi

02

Dari Meja
Pengarah

03

Sidang
Redaksi

04

Belansungkawa :
USTAZ HAJI WAN ISMAIL
B. WAN JUSOH

05

Rencana :
3 TERAS DASAR
Membangun Bersama Islam

06

Berita &
Aktiviti IPTG

08

Fokus :
AMANAT KHAS
31 Tahun Pentadbiran MBI

10

Doa :
DOA MEMOHON
KETEGUHAN IMAN

12

Hadis :
SEBAIK-BAIK AMAL
Siri 1

13

Artikel :
RAHSIA KETENANGAN
HATI

14

Infografik :
ARKIB PENINGGALAN
TGNA

16

Infografik :
ARKIB PENINGGALAN
TGNA

17

Kata-Kata
TOK GURU

18

Sana-Sini
IPTG

19

SIDANG REDAKSI



Penaung

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

Penasihat

YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat

Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

Sidang Pengarang

Norshafinaz Binti Nazaruddin
Siti Nur Amirah Binti Fauzi

Editor

Ahmad Fathi Bin Yusoff

Jurufoto

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli

Reka Bentuk Grafik & Percetakan

Azkiya Printing & Advertising
PT361, Aras Bawah,
Lembah Sireh (Belakang Tesco),
15050 Kota Bharu, Kelantan

Alamat Surat Menyurat

Institut Pemikiran Tok Guru
Dato' Bentara Setia
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan
Negeri Kelantan, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

***Buletin ini perlu dijaga dengan baik
kerana mengandungi ayat al-Quran**



إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

SALAM TAKZIAH

**USTAZ HAJI WAN ISMAIL
BIN WAN JUSOH**
12 Julai 1955 – 26 Ogos 2021

Jawatan yang pernah disandang:

1. Yang Dipertua PAS Ketereh
2. ADUN Melor, Kelantan (1999 – 2004 & 2008 – 2013)
3. Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam
4. Setiausaha Akhbar Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat
5. Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan
6. Pegawai Penyelidik di Pusat Kajian Strategik (PKS)
7. Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan
8. Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat
9. Timbalan Pengerusi Assabiqun PAS Kelantan
10. Ahli Lembaga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ،
وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتُ التَّوْبَ الْأَبْيَضَ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ، وَأَهْلًا خَيْرًا
مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَأَعِزَّهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

Maksudnya: "Ya Allah, Engkau berilah keampunan baginya, dan limpahkan rahmat kepadanya, dan selamatkan dia dan maafkan kesalahannya. Engkau muliakan kedudukannya, dan luaskan tempat tinggalnya, dan sucikan dia dgn air, salji dan air yang sejuk. Engkau bersihkan dia daripada kekotoran dosa sebagaimana dibersihkan pakaian yang putih dari segala kekotoran. Dan gantikan rumahnya dgn rumah yang lebih baik dan pasangan yang lebih baik. Masukkan dia ke dalam syurga dan lindungilah dia daripada azab kubur dan ujiannya serta jauhkan dia dari azab neraka."



3 TERAS DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM Bahagian 2

Perkataan **Mas`uliyah** dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab; سأل (sa`ala), يسأل (yas`alu), مسألة (mas`alatan), مسؤولية (mas`uliyah) membawa maksud pertanggungjawaban seseorang terhadap ucapan, tindakan atau perbuatan yang telah dilakukan. Manakala dari segi istilah, ianya memberi maksud seseorang akan dipertanggungjawabkan hasil daripada tindakan, perbuatan, tindakan atau ucapan yang dilakukan dengan pilihannya sendiri sedangkan dia mengetahui implikasi daripada perbuatan tersebut sama ada baik atau buruk.

Dalam konteks UMI, mas`uliyah merujuk kepada nilai kebertanggungjawaban, iaitu segala kerja yang dilakukan di dunia ini tidak termasuk pekerjaan harian kita di rumah, di pejabat, dan di mana-mana sahaja akan dicatat, dihitungkan, disoal dan diberi ganjaran atau balasan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Nilai ini merupakan satu konsep khilafah (pentadbiran dan pengurusan harian) yang diamanahkan untuk dilaksanakan berlandaskan syariat.

Kita sebagai insan termasuk penjawat awam mempunyai tugas dan tanggungjawab kepada beberapa pihak, antaranya ialah:

1. Tanggungjawab kepada Allah

Contoh: beriman kepada Allah, mentaati segala suruhanNya dan menjauhi segala laranganNya.

2. Tanggungjawab terhadap diri sendiri

Contoh: menjaga amanah yang diberikan oleh Allah SWT.

3. Tanggungjawab terhadap orang lain

- i. Keluarga : menjaga keamanan keluarga
- ii. Pelanggan : memberi layanan yang baik
- iii. Majikan : mentaati dan bekerjasama dalam pekerjaan
- iv. Masyarakat : memelihara hak-hak kewajipan dalam masyarakat

Semua tanggungjawab ini akan ditanya oleh Allah di akhirat kelak disamping ianya akan diaudit di dunia oleh pihak majikan. Sebagaimana hadis, daripada Umar r.a daripada Nabi SAW,

Baginda bersabda:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ
 قَالَ: "أَلَا كُفُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ
 فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ
 رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ
 وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ
 عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ
 أَلَا فِكُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: "Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin, dan kamu semua adalah bertanggungjawab terhadap orang dibawah pimpinan kamu. Seorang penguasa (semua penjawat awam adalah berkuasa) bertanggungjawab terhadap orang bawahannya; seorang suami adalah pemimpin kepada keluarganya dan dia bertanggungjawab berkaitan perihal mereka; seorang isteri adalah penjaga (pemimpin) hal rumahtangga dan anak-anaknya serta bertanggungjawab terhadap perkara tersebut; seorang hamba (pekerja) adalah penjaga kepada harta benda tuannya (majikan) dan dia bertanggungjawab terhadap tugasnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin (penjaga) dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap orang di bawah jajaan kamu. (HR Bukhari dan Muslim)

Kita sebagai penjawat awam mempunyai tanggungjawab dalam kerjaya kita setiap hari dan ia dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Amanah

Tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin, berusaha menghindari kepentingan peribadi dari mengatasi kepentingan tugas dan memastikan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.

2. Benar

Jujur dalam melaksanakan tanggungjawab, bercakap benar dan menepati janji, cermat dan berhemat dalam membuat keputusan, berasaskan profesionalisme, patuh dan setia dalam melaksanakan tugas dan sentiasa bersedia menerima teguran dan nasihat.

3. Bertanggungjawab

Melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruk (berwaspada dan jujur).

4. Berdisiplin dan dedikasi

Sentiasa berdisiplin, mematuhi peraturan, memberi keutamaan mengikut kepentingan, mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang serta menyanjung tinggi masa dan janji.

5. Kepatuhan



Kepatuhan yang tidak berbelah bahagi kepada organisasi selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam.

6. Berbudi pekerti mulia dan berprasangka baik

Teguh dengan amalan nilai-nilai murni dan tidak mementingkan diri sendiri serta sentiasa berprasangka baik dalam hubungan sesama individu semasa menjalankan tugas dan hidup bermasyarakat.

Semua ciri-ciri di atas merupakan sifat mulia yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dan perlu dijadikan contoh dan teladan serta diamalkan dalam kehidupan khususnya dalam kerjaya kita sebagai penjawat awam supaya amalan kita termasuk amal soleh dan mendapat keredaan Allah SWT.

Kesimpulannya, semua perkara yang kita lakukan setiap hari tidak kira dimana sahaja kita berada akan sentiasa direkod dan dicatat oleh malaikat. Semua itu akan dibentangkan di akhirat nanti, yang baik akan mendapat ganjaran yang lumayan dan yang buruk akan menderita dengan keburukan yang dilakukan. Sebagaimana firman Allah SWT:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ. 
 وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ. 

Maksudnya: "Maka barangsiapa mengerjakan kebaikan seberat zarah, nescaya dia akan melihat balasannya. Dan barangsiapa mengerjakan kejahatan seberat zarah, nescaya dia akan melihat balasannya." (Az-Zalzalah: 7-8)

Bersambung.. ■

IPTG@PODCAST GAYA TOK GURU

Cetusan Membangun Bersama Islam merupakan satu pembaharuan politik oleh Tok Guru Dato Bentara Setia Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat. Institut Pemikiran Tok Guru Dato Bentara Setia (IPTG) berhasrat untuk mendalami asas, pendekatan, cara dan kaedah gaya tok guru dalam semua aspek yang boleh menjadi panduan dan motivasi kepada semua pihak.

IPTG mengambil inisiatif menganjurkan program **'Gaya Tok Guru'** secara atas talian yang telah bermula pada 03 Muharram 1443H bersamaan 12 Ogos 2021. Program ini berkonsepkan bual bicara dua hala iaitu moderator dan seorang panel jemputan. Program ini bersiaran secara langsung menerusi platform facebook "Institut Pemikiran Tok Guru". Program berlangsung pada jam 9.30 hingga 10.30 pagi iaitu selama satu jam.

Objektif program ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenali, memahami dan mencontohi kaedah pendekatan tok guru dalam semua aspek kehidupan.
2. Memperkenalkan asas pendekatan pentadbiran tok guru berdasarkan MBI.
3. Memperkenalkan pendekatan tok guru dalam mentadbir negeri Kelantan.
4. Merealisasikan konsep MBI yang bertunjangkan UMI.



Tajuk : **Tok Guru - Satu Pengenalan**
 Tarikh : 03 Muharram 1443 H /12 Ogos 2021
 Panel : YBrs. Prof Madya Nik Yusri Bin Musa
 Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, UMK
 Moderator : En. Ahmad Fathi Bin Yusoff



Tajuk : **Pulau Melaka : Legasi Dakwah & Pendidikan**
 Tarikh : 24 Muharram 1443H / 02 September 2021
 Panel : Ustaz Nik Hamdi Bin Abd Ghani
 Moderator : En. Ahmad Fathi Bin Yusoff



Tajuk : **Tok Guru & Saudara Baru**
 Tarikh : 14 Rabiul Awal 1443H / 21 Oktober 2021
 Panel : YBrs. Dr. Johari Yap
 Naib Presiden, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)
 Moderator : YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat



SIRI 2
 Tajuk : **Tok Guru - Dia Ayahku**
 Tarikh : 10 Muharram 1443H / 19 Ogos 2021
 Panel : Nik Amalina Binti Nik Abdul Aziz
 Anak Tok Guru
 Moderator : Cik Siti Nur Amirah Binti Fauzi



SIRI 3
 Tajuk : **Tok Guru - Tokku Sebagaimana Yang Aku Kenali**
 Tarikh : 17 Muharram 1443H / 26 Ogos 2021
 Panel : Nik Mohd Thalhaf Bin Ahmad Pakaruldin
 Cucu Tok Guru
 Moderator : En. Ahmad Fathi Bin Yusoff



SIRI 5
 Tajuk : **Rahsia-rahsia Tok Guru**
 Tarikh : 02 Safar 1443H / 09 September 2021
 Panel : Hj. Zakaria Bin Deraman
 Bodyguard Tok Guru
 Moderator : En. Ahmad Fathi Bin Yusoff



SIRI 6
 Tajuk : **Kenangan Silam**
 Tarikh : 23 Safar 1443H / 30 September 2021
 Panel : Nik Din Nik Mat
 Adik Tok Guru
 Moderator : En. Ahmad Fathi Bin Yusoff



SIRI 8
 Tajuk : **Tok Guru & Pembangunan**
 Tarikh : 21 Rabiul Awal 1443H / 28 Oktober 2021
 Panel : YBr. Dr. Abdullah Subin Ab Rahman
 Pengerusi HALUAN / Ahli Lembaga IPTG
 Moderator : YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat



SIRI 9
 Tajuk : **Tok Guru & Pembangunan Ekonomi**
 Tarikh : 13 Rabiul Akhir 1443H / 18 November 2021
 Panel : YBr. Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah
 Mantan Ketua Eksekutif PKINK
 Moderator : YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat

Amanat Khas 31 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan telah disampaikan oleh YAB Bentara Kanan Menteri Besar Ustaz Dato' Hj. Ahmad Bin Yakob pada 21 Rabiul Awal 1443H bersamaan 28 Oktober 2021 di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim.

Beliau memulakan majlis dengan merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua penjawat awam samada negeri dan persekutuan kerana menghadiri majlis yang penuh bermakna ini. Amanat pada kali ini juga dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran daripada surah al-Anbiya' bermula ayat 83 hingga 84. Ayat tersebut menceritakan Nabi Ayub a.s yang telah ditimpa ujian penyakit yang begitu berat namun begitu Nabi Ayub a.s tidak pernah mengeluh bahkan baginda terus bersabar dan tidak pernah putus asa untuk mengharapkan rahmat Allah SWT. Ayat tersebut dapat dikaitkan dengan situasi menghadapi suasana pandemik Covid-19 ini, justeru marilah kita mengambil iktibar daripada kisah Nabi Ayub a.s ini dengan sama-sama bersabar dan bermunajat kepada Allah SWT supaya diangkat wabak ini daripada kita semua.





**YAB DATO' BENTARA KANAN
MENTERI BESAR KELANTAN**

AMANAT KHAS

31 TAHUN PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI KELANTAN

YAB Ustaz Dato' Menteri Besar turut menyatakan bahawa sudah 31 tahun rakyat negeri Kelantan berada di bawah pimpinan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan dasar pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI). Dasar MBI adalah bermatlamat untuk melahirkan sebuah masyarakat dan pentadbirannya yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai Islam dan hukum-hukumnya, menegakkan keadilan tanpa meminggirkan kemajuan di segenap bidang termasuk ekonomi, sosial, pendidikan serta menyuburkan perpaduan kearah negeri Kelantan maju dan sejahtera menuju keredaan Allah.

Antara perkara yang difokuskan pada amanat kali ini ialah:

Keberkatan:

Pemberdayaan Modal Insan Dalam Mengharungi Pandemik.

Kemakmuran:

Merakyatkan Pembangunan Ekonomi Yang Mampun.

Kebajikan dan Keharmonian:

Teras Kesejahteraan Rakyat.

Sehubungan itu, beliau juga menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dalam pelaksanaan dasar dan program khususnya dalam tiga perkara keutamaan antaranya ialah:

- i. Memperkukuh institusi sosial masyarakat
- ii. Agenda pemulihan dan kesejahteraan ekonomi
- iii. Memastikan dasar berkebijakan rakyat terus diberi keutamaan khususnya kepada rakyat yang terkesan dengan pandemik Covid-19

Akhir sekali, beliau mengucapkan penghargaan kepada seluruh penjawat awam, para petugas barisan hadapan khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan semua yang telah menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan Merakyatkannya. ■

DOA MEMOHON KETEGUHAN IMAN

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ

إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ۝

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, janganlah Engkau condongkan hati kami kepada kesesatan setelah Engkau berikan petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi.” (ali Imran:8)

Ayat di atas merupakan doa di dalam al-Quran yang dianjurkan supaya diteguhkan iman kerana iman merupakan perkara yang paling berharga dalam kehidupan setiap muslim. Kualiti iman seseorang seringkali naik turun, bertambah dan berkurang. Dan iman jugalah yang akan membimbing kita ke arah kebaikan dan menghindarkan dari keburukan.

Allah SWT bersifat Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Dia mengurniakan nikmat, hidayah dan ujian buat hambaNya. Allah SWT menguji manusia dengan berbagai cara, ada orang diuji dengan kesenangan dan ada yang diuji dengan kesusahan. Orang yang paling baik adalah apabila mereka diuji dengan kesusahan, mereka bersabar dan apabila diuji dengan kesenangan, mereka bersyukur. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

عَنْ صُهَيْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya: “Sungguh menakjubkan perkara orang mukmin itu, sesungguhnya seluruh perkaranya adalah baik baginya dan hal itu tidak dimiliki oleh siapapun kecuali oleh orang mukmin. Jika diberi sesuatu yang menggembirakan, ia bersyukur, maka hal itu merupakan kebaikan baginya, dan apabila ia ditimpa suatu keburukan (musibah) ia bersabar, maka hal itu juga baik baginya.” (HR Muslim)

Rasulullah SAW menganjurkan supaya kita sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar diberi kekuatan iman dalam setiap masa dan keadaan kerana hati ini sifatnya bolak balik. Oleh itu, marilah kita selalu mengamalkan doa ini setiap kali selepas solat ataupun bila-bila masa sahaja supaya Allah sentiasa menjaga hati kita daripada melakukan perkara-perkara yang terlarang dan dibenci olehNya. ■

SIRI 1

SEBAIK-BAIK AMAL

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِأَمْرِي مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَاجَرَتْهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهَاجَرَتْهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ"

*Maksudnya: "Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya".
Riwayat Muslim (1907)*

Hadis di atas mengajak kita untuk memperbetulkan niat melakukan sesuatu perkara ikhlas kerana Allah. Hal ini kerana niatlah yang membezakan sesuatu perbuatan tersebut sama ada ianya adat atau ibadah. Jika sesuatu perbuatan dilakukan dengan niat yang ikhlas maka ianya akan menjadi ibadah serta mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT sebaliknya jika sesuatu amalan yang dilakukan tidak ikhlas, ia akan jadi sia-sia disisi Allah SWT. Semua amalan yang dilakukan hendaklah mengikut syariat Islam dan ajaran Rasulullah SAW.

Dalam kehidupan harian dan kerjaya, kita hendaklah melakukan perubahan iaitu dengan berhijrah iaitu daripada keadaan tidak baik kepada baik dan daripada keadaan baik kepada yang lebih baik. Jadi, lakukanlah perubahan (hijrah) sebagai platform untuk memperbaiki kehidupan kita. ■



Rahsia KETENANGAN HATI

Tidak kira siapa pun kita, setiap hari kita pasti diuji. Namun persoalannya, bagaimana cara kita menangani ujian itu? Usah bimbang kerana Allah SWT telah mendedahkan rahsia ketenangan dan Dialah Maha Mengetahui apa yang hambaNya perlukan dalam kehidupan. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“(iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram.” (surah ar-Ra’d: 28)*

Sesungguhnya anggota tubuh yang paling mulia diciptakan dalam diri manusia ialah hati. Hati ibarat raja bagi anggota badan dan ketua dalam segala aspek kehidupan manusia. Jika baik hati itu, maka baiklah kehidupan seseorang Mukmin tetapi jika buruk atau rosak hati seseorang itu, maka punah rosaklah seluruh anggota tubuh dan kehidupannya. Oleh itu, hati perlu dipelihara bukanlah seperti memelihara anggota badan yang lain, merawat hati perlu kepada ketakwaan dan keampunan dari Allah SWT kerana hati yang selalu mengingati Allah SWT akan sentiasa terpelihara oleh rahmat Allah SWT.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“Dan Allah mengeluarkan kamu daripada perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.” (an-Nahl: 78)*

Pendengaran yang Allah SWT kurniakan kepada manusia adalah untuk memperoleh pelbagai maklumat dan pengetahuan untuk bertindak dengan setiap ilmu yang diperolehi. Begitu juga dengan penglihatan dan mata yang kita miliki, seseorang itu dapat melakukan perkara yang membawa kebaikan kepadanya dan seluruh umat di muka bumi ini. Hal yang sama juga dengan hati kerana melalui hati seseorang itu dapat membuat penilaian dan perbezaan antara perkara baik dan buruk yang menjadi perbezaan antara manusia dengan makhluk Allah yang lain seperti haiwan.

Adakah hati kita dalam keadaan sihat atau sakit? Bagaimana cara untuk mengenalinya? Hati yang sihat atau sakit dapat dilihat melalui perbuatan dan kata-kata seseorang mukmin. Orang yang hatinya subur dengan kebaikan terserlah melalui akhlak yang baik dan disenangi oleh orang-orang sekeliling. Manakala orang yang hatinya bermasalah dan kotor juga terserlah sikapnya melalui perbuatan buruk dan tidak memberi manfaat kepada dirinya dan orang sekeliling.

Sehubungan itu, kita perlu sentiasa berfikir cara untuk melawan segala perasaan sedih, kecewa dan berputus asa supaya hati kita sentiasa tenang dan bersemangat. Salah satu cara untuk menenangkan hati adalah dengan berzikir. Zikir akan meningkatkan keimanan

dalam diri seseorang serta meyakini bahawa setiap apa yang Allah SWT kurniakan kepada kita tidak kira kesenangan atau kesusahan, nikmat atau ujian, semua itu adalah tanda sayangNya Allah terhadap hambaNya. Tidak ada perkara yang dapat menenangkan diri kecuali dengan mengingat Allah SWT.


Selain itu, solat juga merupakan salah satu cara untuk mendekati diri kepada Allah SWT sekaligus dapat berkomunikasi kepada Allah SWT. Semakin dekat seseorang itu dengan Allah, semakin tenang hati dan fikiran mereka. Solat yang dilakukan dengan khusyuk akan membantu hati menjadi tenang dan dipermudahkan urusan oleh Allah dalam menghadapi masalah hidup. Walaupun kita tidak dapat berkomunikasi dengan Allah sebagaimana manusia, akan tetapi percayalah bahawa Allah SWT Maha Mendengar, Maha Melihat dan Maha Mengetahui keadaan hambaNya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Hanya kepada-Mu lah kami menyembah, dan hanya kepada-Mu lah kami meminta pertolongan.”
(al-Fatihah:5)

Ketika kita diuji dengan masalah, ingatlah bahawa Dia menguji kita bukan untuk menyulitkan kita melainkan untuk menguji iman dan takwa kita. Apabila kita sedar akan hal tersebut, apa yang perlu kita lakukan ialah bersabar dalam menghadapi segala ujian dan dugaan yang diberikan disamping berusaha untuk mengatasi apa yang berlaku serta bertawakal kerana semua itu akan membuatkan hati menjadi ikhlas. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *“sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar.”* (al-Baqarah:153)

Kita sebagai orang mukmin perlu menjaga hubungan silaturrahim sesama manusia dan sentiasa bersyukur dengan setiap yang Allah SWT berikan. Segala sesuatu yang terjadi di dunia ini adalah atas kehendak Allah SWT. Oleh itu, percayalah bahawa Allah senantiasa memberikan kebaikan kepada kita dan hendaklah kita menyandarkan segalanya kepada Allah SWT agar tidak menimbulkan kekecewaan. Akhir sekali, ingatlah bahawa akan selalu ada bintang di sebalik awan gelap, selalu ada pelangi setelah hujan dan selalu ada hikmah di sebalik kesusahan. ■






Kad Keahlian PAS

Serban peninggalan Almarhum Tok Guru

ARKIB PENINGGALAN

Sumber foto: Maahad Darul Anuar, Kg Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan

TGNA



Salasilah keluarga Almarhum Tok Guru



MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM
Mesyuarat pertama pada 5 Februari 1970 yang dipengerusikan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia



Cucu-cicit Tok Guru



KURSUS KEFAHAMAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI) DALAM PROFESIONALISME KAKITANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SECARA ATAS TALIAN

Sebelum terjadinya pandemik Covid-19 ini, IPTG telah melaksanakan Kursus Dasar MBI Dalam Profesionalisme Kakitangan PBT secara bersemuka, namun sekarang IPTG mengambil inisiatif dengan mengadakan kursus ini secara atas talian melalui aplikasi Zoom kepada tiga PBT terlibat iaitu; Tumpat, Tanah Merah, Pasir Putih dan Kuala Krai.

Kursus ini dibahagikan kepada 4 bahagian seperti berikut:

Tarikh : 23 Muharram 1443H/
01 September 2021,
29 Muharram 1443H/
07 September 2021,
13 Rabiul Awal 1443H/
20 Oktober 2021 &
20 Rabiul Awal 1443H/
27 Oktober 2021

Sesi 1 : Membangun Bersama Islam
Sesi 2 : 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan
Tempat : Studio IPTG, Kota Darulnaim
Masa : 10.15 pagi - 11.45 pagi
Peserta : 50 orang peserta

Manakala kursus kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) telah dikendalikan sendiri oleh MPKB-BRI dan dipantau oleh IPTG seperti mana berikut:

Tarikh : 30 Zulhijjah 1443H/
09 Ogos 2021
Masa : 10 pagi
Platform : Google Meet
Peserta : 20 orang


Tarikh : 28 Safar 1443H/
05 Oktober 2021
Masa : 10 pagi
Platform : Google Meet
Peserta : 25 orang ■



PESAN TOK KU

“Tapak kaki kita kalau **KERAS**, pijak paku dan duri pun tidak terasa apa sebab tumitnya sudah keras. Tetapi kalau tapak kaki yang **LEMBUT**, terpijak duri sikit sahaja sudah **BERDARAH**. Demikian jugalah hati, kalau ia dah keras tak terasa lagi bersalah kalau buat dosa”

AlMarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat



PESAN TOK KU

“Ketenangan **BUKAN** boleh beli di pasar. Tapi ketenangan datang hanya daripada Allah SWT. **HIDUP** ini pasangannya **MATI**. Sama juga **PAGI** pasangannya **MALAM**. Manakala **DUNIA** pasangannya **AKHIRAT**. Semua yang Allah cipta ada pasangannya. Yang tiada pasangan hanya Allah SWT sahaja”

AlMarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat



17 Muharam 1443H
26 Ogos 2021



Majlis perpisahan dan penyampaian saguhati kepada pelajar praktikal IPTG.

23 Safar 1443H
30 September 2021



Mesyuarat Ahli Lembaga IPTG telah diadakan di Bilik Mesyuarat Menteri Besar, MABNA.

6 & 7 Rabiul Awal 1443H
13 & 14 Oktober 2021



Unit Pengembangan (Media) IPTG telah menghadiri Bengkel Interpersonal dan Pengurusan Penerbit Rancangan yang dikendalikan oleh Zainal Arifin Ismail (selebri TV3) di Hotel H-Elite, Tunjong, Kelantan.

24 Rabiul Awal 1443H
31 Oktober 2021



Beberapa orang wakil dari Perfect Tourism Institute membuat lawatan ke IPTG.

08 Rabiul Akhir 1443H
13 November 2021



Dato' Pengarah IPTG menyampaikan taujih kepada para pelajar Kuliah Pengajian Islam IPTG - peringkat sijil di Masjid Nur Imarah, Pasir Mas, Kelantan.

2022

Selamat Menyambut
Tahun Baharu